



31 Mac 2017  
31 March 2017  
P.U.(A) 97

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERATURAN-PERATURAN TABUNG HAJI (DEPOSIT DAN PENGELOUARAN) (PINDAAN) 2017

### *TABUNG HAJI (DEPOSITS AND WITHDRAWALS) (AMENDMENT) REGULATIONS 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

## AKTA TABUNG HAJI 1995

### PERATURAN-PERATURAN TABUNG HAJI (DEPOSIT DAN PENGELUARAN) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 dan 45 Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

#### **Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) (Pindaan) 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

#### **Pindaan Bahagian IV**

2. Peraturan-Peraturan Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002 [P.U. (A) 313/2002], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam tajuk Bahagian IV dengan memasukkan selepas perkataan “PENAMAAN” perkataan “, HIBAH AMANAH”.

#### **Pindaan peraturan 7**

3. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam perenggan (4)(c), dengan memotong perkataan “atau” dihujung perenggan itu;

(b) dalam perenggan (4)(d), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”; dan

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (4)(d) perenggan yang berikut:

“(e) dengan pembuatan suatu hibah amanah oleh pendeposit di bawah peraturan 7A.” .

**Peraturan baharu 7A dan 7B**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 7 peraturan yang berikut:

**“Hibah amanah**

7A. (1) Seseorang pendeposit yang berumur lapan belas tahun atau lebih boleh membuat hibah amanah bagi amaun atau apa-apa bahagian amaun yang ada pada kredit pendeposit untuk diberikan kepada mana-mana orang sebagai penerima hibah amanah itu.

(2) Tiap-tiap hibah amanah sedemikian hendaklah dibuat dalam borang yang ditentukan oleh Lembaga dan tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa melainkan jika dibuat semasa hayat pendeposit itu.

(3) Amaun atau sebahagian amaun yang ada pada kredit pendeposit yang diberikan kepada penerima hibah amanah di bawah subperaturan (1) hendaklah dibayar mengikut peraturan 8.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (5) dan terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga, penerima hibah amanah hendaklah memberikan kuasa kepada pendeposit—

(a) untuk menggunakan, bagi kepentingan pendeposit, amaun atau sebahagian amaun yang ada pada kredit pendeposit yang diberikan kepada penerima hibah amanah; dan

(b) untuk menjalankan semua transaksi dan menerima semua faedah yang berhubungan dengan amaun atau sebahagian amaun yang ada pada kredit pendeposit yang diberikan kepada penerima hibah amanah,

semasa hayat pendeposit dan penerima hibah amanah itu.

(5) Pendeposit hendaklah pada setiap masa semasa hayatnya mengekalkan deposit minimum sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga melainkan jika hibah amanah itu dibatalkan di bawah peraturan 7B.

(6) Pendeposit hendaklah memberitahu Lembaga tentang apa-apa penambahan penerima hibah amanah atau apa-apa perubahan amaun yang ada pada kredit pendeposit yang diberikan bagi hibah amanah, atau tentang kematian penerima hibah amanah itu.

(7) Jika hibah amanah dibuat bagi sebahagian amaun yang ada pada kredit pendeposit, pendeposit boleh menamakan mana-mana orang mengikut peraturan 7 yang kepadanya baki amaun yang ada pada kredit pendeposit boleh dibayar selepas kematian pendeposit mengikut peraturan 8.

### **Pembatalan hibah amanah**

7B. Sesuatu hibah amanah yang dibuat di bawah peraturan 7A terbatal dalam keadaan-keadaan yang berikut:

- (a) dalam hal sesuatu hibah amanah yang dibuat oleh pendeposit yang merupakan seseorang ibu atau bapa atau datuk atau nenek untuk diberikan kepada anak kandungnya atau cucu kandungnya sebagai penerima hibah amanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan notis bertulis sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga yang diberikan oleh pendeposit dan diterima oleh Lembaga semasa hayat pendeposit dan penerima hibah amanah; atau
- (b) dalam mana-mana hal lain, dengan persetujuan bersama pendeposit dan penerima hibah amanah mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga.”.

## **Pindaan peraturan 8**

5. Peraturan 8 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau” dihujung perenggan itu;

(ii) dalam perenggan (b), dengan menggantikan noktah dengan perkataan “; atau”; dan

(iii) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:

“(c) jika pendeposit telah membuat hibah amanah di bawah peraturan 7A dan hibah amanah itu tidak dibatalkan di bawah peraturan 7B, kepada penerima hibah amanah itu atau penerima-penerima hibah amanah itu, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

“(1A) Apabila seseorang penerima hibah amanah meninggal dunia, amaun atau sebahagian amaun yang ada pada kredit pendeposit itu yang diberikan kepada penerima hibah amanah itu hendaklah dibayar kepada mana-mana orang yang berhak mewarisi amaun atau sebahagian amaun itu bawah Hukum Syarak bilamana suatu tuntutan dibuat kepada Lembaga oleh orang itu mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga.”;